

PENDEKATAN IJTIHAD JAMA'I DALAM PENGHARMONISASIAN IKHTILAF FUQAHA

Collective Ijtihad Approach in Harmonizing Differences of Opinion Amongst the Jurists

ⁱ Syed Salim bin Syed Shamsuddin & ⁱⁱ Abdul Manan bin Ismail

ⁱPensyarah Kanan, Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia.

E-mail: syedsalim@usim.edu.my.

ⁱⁱPensyarah Kanan, Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia.

E-mail: manan@usim.edu.my.

| Abstrak | Abstract |
|--|--|
| <p>Perbezaan pendapat dalam permasalahan fikah (ikhtilaf fihi) yang berlaku dalam kalangan fuqaha dan mujtahid merupakan satu lumrah dalam syariat Islam. Kepelbagaian pendapat dan pandangan ini jika dikumpulkan akan dapat menghasilkan buah fikiran yang lebih bernas dan baik sekaligus dapat menyatukan kepelbagaian tersebut demi mengharmonisasikan percanggahan yang berlaku. Artikel ini menghuraikan pendekatan ijtihad secara kolektif (ijtihad jama'i) sebagai wadah untuk mencari titik pertemuan di antara ikhtilaf yang berlaku dalam fikah. Artikel ini menggunakan kaedah kualitatif melalui analisis dokumen terhadap karangan para ulama terdahulu dan terkini yang berkaitan dengan permasalahan ikhtilaf dan ijtihad. Hasil kajian menunjukkan perbezaan dan percanggahan pendapat dalam kalangan fuqaha ini diterima selagi ia mengikut prinsip-prinsip yang telah ditetapkan serta tidak membawa kepada perpecahan sesama masyarakat. Selain itu, didapati bahawa ijtihad jama'i mampu menghimpunkan pandangan-pandangan tersebut yang akhirnya akan melahirkan pandangan yang sama atau hampir sama. Ini penting bagi</p> | <p>Islam celebrates the different opinions among Muslim jurists and mujtahids in fiqh matters. These differences, if accepted collectively as a whole, shall definitely result to better outcomes, which could promote harmonization among them. This article briefly explains how the collective ijtihad (al-ijtihad al-jama'i) approach is useful, as a means to promote unity in these different opinions of fiqh. Using the qualitative method, writings of previous and recent scholars relating to ikhtilaf and ijtihadic matters are critically analysed. Findings of the study clearly shows that different opinions among jurists are permissible and acceptable, as long as it remains confined to certain principles, which does not lead to further divergence and conflict in the society. Surprisingly through collective ijtihad, once these differences are put together, similarities among juristic opinions can eventually be seen. Thus agreement among jurists, particularly on contemporary societal issues, is vital to ensure its ability to cope with vast modern technologies and inventions, particularly to respond and provide answers through new fatwas and ijtihad.</p> <p>Keywords: Differences of opinion, ijtihad,</p> |

| | |
|--|----------------------------|
| menangani kepesatan teknologi dan penemuan-penemuan baharu yang semakin kompleks yang memerlukan kepada fatwa dan ijtihad baharu serta sesuai dengan keperluan semasa. | fatwa, fiqh, usul al-fiqh. |
| Kata kunci: Ikhtilaf, ijtihad, fatwa, fikah, usul fikah. | |

PENDAHULUAN

Islam sebagai al-din yang lengkap amat meraikan tabiat dan fitrah semulajadi insan yang berbeza dan berlainan antara individu dengan individu yang lain. Allah SWT Yang Maha Mengetahui telah menciptakan manusia berbeza daripada pelbagai segi sama ada daripada segi bahasa, warna kulit, tabiat, cara hidup, cara berfikir dan lain-lain demi kesesuaian fitrah manusia yang mendiami alam dunia dengan memikul tanggungjawab sebagai hamba dan khalifah. Justeru, tidak hairanlah terdapatnya apa yang dinamakan sebagai ikhtilaf atau percanggahan pendapat dalam kalangan manusia dalam banyak perkara.

Perbezaan dan percanggahan pendapat dalam kalangan para ulama fiqh merupakan satu fenomena fitrah yang telah berlaku sejak zaman penurunan wahyu lagi. Rasulullah sallallahu 'alaihi wa sallam sendiri membenarkan para sahabat Baginda berbeza pendapat dan berijtihad dalam permasalahan ijtihadi seperti yang berlaku apabila syura dilakukan untuk membincangkan hukuman bagi tawanan-tawanan perang Badar (Abu Zahrah, 1987: 237). Keadaan ini diteruskan oleh para Khulafa al-Rasyidin dan sahabat-sahabat yang lain, hinggalah ke hari ini. Kemunculan pelbagai mazhab fiqh yang didominasi oleh empat mazhab besar; Hanafi, Maliki, Syafie dan Hanbali merupakan bukti kukuh bahawa kepelbagaian pendapat dalam urusan fiqh merupakan satu fenomena yang diterima pakai dalam syariat Islam yang mengundang seribu satu rahsia dan rahmat.

Pada masa yang sama, Islam amat menitikberatkan perpaduan dan kesepakatan dalam banyak perkara. Allah SWT mewajibkan umat Islam untuk kembali kepada al-Quran dan Sunnah ketika berlakunya perselisihan dan pertikaian. Firman Allah SWT:

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِي الْأَمْرِ مِنْكُمْ فَإِنْ تَنَازَعْتُمْ فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِنْ كُنْتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ ذَلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا﴾

Maksudnya: Wahai orang-orang yang beriman! Taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan juga kepada "Ulil-Amri" (orang-orang yang berkuasa) dari kalangan kamu. Kemudian jika kamu berbantah-bantah (berselisihan) dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu

mengembalikannya kepada (Kitab) Allah (Al-Quran) dan (Sunnah) RasulNya, jika kamu benar beriman kepada Allah dan hari akhirat. Yang demikian adalah lebih baik (bagi kamu) dan lebih elok pula kesudahannya. (Surah al-Nisa': 59)

Dalam ayat lain, Allah SWT berfirman:

﴿وَأَطِيعُوا اللَّهَ وَرَسُولَهُ وَلَا تَنَازَعُوا فَتَفْشَلُوا وَتَذْهَبَ رِيحُكُمْ وَاصْبِرُوا إِنَّ اللَّهَ مَعَ الصَّابِرِينَ﴾

Maksudnya: Dan taatlah kamu kepada Allah dan RasulNya, dan janganlah kamu berbantah-bantahan; kalau tidak nescaya kamu menjadi lemah semangat dan hilang kekuatan kamu, dan sabarlah (menghadapi segala kesukaran dengan cekal hati); sesungguhnya Allah berserta orang-orang yang sabar. (Surah al-Anfal: 46)

Walaupun syariat Islam membenarkan percanggahan pendapat dan ikhtilaf dalam fiqh, tetapi adab-adab ketika berbeza pandangan perlu dijaga. Kesatuan umat Islam dan kesepakatan mereka perlu diutamakan khususnya yang melibatkan pelbagai isu baharu (al-mustajiddat). Jika keadaan ini tidak ditangani dengan sempurna, fitnah dan kecelaruan akan berlaku dalam masyarakat sekaligus merosakkan imej Islam itu sendiri terutama di zaman mutakhir ini.

Justeru, satu medium pengharmonisasian antara pihak yang berbeza pandangan perlu diwujudkan dan seterusnya diperkasakan. Penulis berpandangan bahawa ijihad secara kolektif ataupun ijihad jama'i mampu menjadi agen pengharmonisasian percanggahan pendapat yang berlaku dalam isu-isu fiqh. Oleh itu, artikel ini akan menghuraikan secara ringkas dua aspek utama; ikhtilaf serta ikhtilaf fiqhi dan ijihad jama'i. Diharap dengan penjelasan ringkas tentang kefahaman dan konsep dua aspek utama ini dapat memberikan satu anjakan paradigma dalam menyatupadukan umat Islam dalam isu-isu fiqh global yang memerlukan kemaslahatan dan hak-hak masyarakat Islam dijaga.

KONSEP PERCANGGAHAN PENDAPAT (IKHTILAF) DAN IKHTILAF FIQHI

Definisi Ikhtilaf

Dari segi bahasa, ikhtilaf bermaksud perbezaan, percanggahan dan tiada persepakatan (Ibn Manzur, 1990: 91). Menurut Kamus Dewan, ikhtilaf ialah perbezaan faham (pendapat) mengenai sesuatu perkara, manakala khilaf pula bermaksud salah, keliru, silap. Perkara-perkara khilafiah pula ialah perkara-perkara yang menimbulkan pertikaian (yang tidak mempunyai nas yang tepat mengenai hukumannya) (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2002: 480 & 674).

Ikhtilaf dari segi istilah bermaksud kepelbagaian pendapat dan pandangan para mujtahid dan ahli fikir dalam masalah-masalah yang tidak mempunyai dalil putus (qat'ie) dari umat Islam (Mausu'ah al-Fiqh al-Islamiyy, t.th: 90). Ikhtilaf juga bermaksud dua orang atau lebih mengambil dua jalan (manhaj) yang berlawanan dalam sesuatu urusan, sama ada urusan yang berkenaan dengan pendapat atau pandangan akal, kata-kata, perbuatan ataupun pendirian, yang berdasarkan prinsip dan asas tertentu yang dilihat sebagai benar oleh salah seorang dari mereka dan dilihat sebagai salah oleh yang lain (Sano, 2000: 45).

Secara umumnya, ikhtilaf bermaksud tiada persepakatan dalam mengeluarkan pandangan serta percanggahan pendirian terhadap sesuatu pendapat yang melibatkan dua atau lebih individu, salah seorang daripada mereka tidak bersetuju dengan pandangan yang dibawa oleh individu yang lain.

Kategori Ikhtilaf dan Hukumnya

Berdasarkan pengamatan dari sudut dan aspek yang berbeza, para ulama telah mengkategorikan ikhtilaf atau perbezaan pendapat dalam kalangan ulama kepada beberapa bahagian; ikhtilaf yang dipuji, ikhtilaf yang dicela, ikhtilaf yang berpunca daripada pemikiran, akhlak atau politik, dan ikhtilaf di dalam bidang ilmu teori dan praktikal. (Abu Zahrah, 1989: 7-19; al-Qaradawi, 1994: 15 dan seterusnya).

Taha Jabir al-'Ulwani (1995: 26-29) mengkategorikan ikhtilaf kepada tiga bahagian utama seperti berikut:

1. Ikhtilaf Yang Berpunca Daripada Hawa Nafsu

Ikhtilaf yang terkandung dalam kategori ini adalah berpunca daripada runtunan hawa nafsu diri manusia atau daripada akhlak yang keji; seperti rasa kagum (ujub) dengan diri dan pendapat yang dikeluarkan, taksub kepada pendapat individu tertentu, mazhab atau kumpulan dan mudah menuduh orang lain yang tidak sependapat tanpa dalil yang jelas. Semua ini adalah berpunca daripada menjaga kepentingan sendiri atau individu lain, atau untuk menonjolkan kepandaian dan keilmuan sendiri. Ikhtilaf ini adalah dikeji oleh syarak dan membawa kepada perpecahan umat Islam. Allah SWT berfirman kepada Nabi Daud AS:

﴿وَلَا تَتَّبِعِ الْهَوَىٰ فَيُضِلَّكَ عَنْ سَبِيلِ اللَّهِ﴾

Maksudnya: Dan janganlah engkau menurut hawa nafsu, kerana yang demikian itu akan menyesatkanmu dari jalan Allah. (Surah Sad: 26)

2. Ikhtilaf Yang Berpunca Daripada Kebenaran (Hak)

Ikhtilaf dalam konteks ini bermaksud ikhtilaf yang berpunca daripada ilmu

yang sah, akal yang sihat dan iman yang tulen. Ia adalah wajib bagi setiap individu Muslim untuk berikhtilaf atau bercanggah pendapat dengan para pendukung kebatilan, ahli syirik dan munafik seperti ikhtilaf dengan golongan Yahudi, Kristian dan Komunis dalam isu-isu akidah dan pokok (usul). Percanggahan pendapat dalam hal ini adalah amat dipuji oleh syarak demi menegakkan kebenaran Islam.

3. Ikhtilaf Yang Terletak Di Antara Ikhtilaf Yang Dipuji Dan Yang Dikeji

Kategori ini bermaksud ikhtilaf yang berlaku dalam isu-isu cabang (furu') yang hukumnya ditentukan oleh situasi dan cara ianya berlaku dan yang berpunca dari sebab-sebab yang tertentu. Ikhtilaf ini dapat dilihat dengan jelas daripada perbezaan pendapat dalam kalangan ulama Islam dalam satu-satu isu cabang dalam bidang yang berbeza seperti persoalan fiqh, persoalan akidah yang tidak menyentuh masalah usul yang telah putus, ataupun dalam isu praktis yang bersifat duniawi seperti pendirian politik. (Abu Zahrah, 1987: 16-19). Namun, ikhtilaf yang paling jelas adalah ikhtilaf para fuqaha dalam permasalahan fiqh dan akidah yang tidak qat'ie yang menyebabkan munculnya pelbagai mazhab fiqh dan akidah.

Pada hakikatnya, ikhtilaf yang berlaku dalam kategori ini adalah bersifat "mazlaqat al-aqdam" (seperti yang disifatkan oleh al-'Ulwani) iaitu ikhtilaf yang boleh menjurus kepada perpecahan umat Islam, terutama apa yang berlaku dalam masalah ilmu kalam dan politik, dan boleh juga membawa kepada kerahmatan dan kemurniaan kepada umat Islam sejagat seperti perbezaan pendapat fuqaha dalam hal-hal cabang dan masail al-ijihad. Justeru, ikhtilaf ini memerlukan adab dan prinsip serta dhawabit khusus yang memantau perjalanan ikhtilaf ini, seperti yang telah ditunjukkan dan diamalkan oleh Rasulullah sallallahu 'alaihi wa sallam dan ulama salafussoleh.

Definisi Ikhtilaf Fiqhi

Untuk pendefinisian ikhtilaf fiqhi ataupun ikhtilaf yang berlaku dalam masalah fiqh perlu kepada pentakrifan dua unsur: ikhtilaf dan fiqh.

Ikhtilaf, seperti yang telah diterangkan sebelum ini, ialah kepelbagaian pendapat serta pandangan para mujtahid dan ahli fikir Islam dalam permasalahan yang tidak mempunyai dalil yang putus (qat'ie) daripada umat Islam. Para ulama tersebut tidak bersepakat dalam satu-satu pandangan dan bercanggah pendirian terhadapnya; salah seorang daripada mereka tidak bersetuju dengan pandangan yang dibawa oleh individu yang lain.

Manakala fiqh pula bermaksud ilmu tentang hukum-hukum syarak yang bersifat amali yang diperolehi daripada dalil-dalil yang terperinci (al-Ghazali, 1997: 15). Fiqh juga membawa maksud pengamatan dan

pengetahuan seseorang faqih terhadap hukum sesuatu perkara yang berlaku, diambil dari dalil-dalil yang terperinci yang juz'i yang ditunjukkan oleh Allah SWT sebagai dalalah bagi hukum-hukumNya dari ayat-ayat al-Quran dan hadis-hadis Nabi sallallahu 'alaihi wa sallam. Faqih tersebut mungkin telah menepati hukum Allah dan mungkin juga dia tidak menepatinya (al-'Ulwani, 1995: 104). Fiqh dalam makna ini juga bermaksud ijtihad kerana ia merupakan istinbat hukum-hukum syarak dari dalil-dalilnya yang terperinci yang khusus, sama ada dari nas itu sendiri atau dari dalalah, yang hanya mampu dilakukan oleh mujtahid (al-Duraini, 1994: 15). Oleh itu, Imam al-Haramain dalam Waraqatnya mendefinisikan fiqh sebagai pengetahuan tentang hukum-hukum syarak yang diperolehi melalui jalan ijtihad (Al-Dimyati, 2010: 3).

Berdasarkan daripada pendefinisian tersebut, dapat disimpulkan bahawa ikhtilaf fiqhi bermaksud kepelbagaian pengamatan, pendapat dan pandangan para mujtahid dalam masalah cabang, atau dalam masalah-masalah fiqh yang bersifat ijtihadiah atau khilafiah yang tidak mempunyai dalil qat'ie daripada nas-nas syarak. Ikhtilaf ini berlaku disebabkan oleh kepelbagaian sumber dan aliran dalam memahami nas-nas syarak dan mengistinbat sesuatu perkara baharu yang timbul yang tidak terdapat nas syarak padanya. Fenomena ini berlaku hasil daripada luasnya kefahaman konsep ijtihad dalam fiqh dan kepelbagaian situasi, keadaan, suasana dan kesesuaian masa, tempat dan individu. Ini adalah bersesuaian dengan kesyumulan Islam yang menyelesaikan setiap masalah yang timbul dalam masyarakat Islam dan alam sejagat.

Kedudukan dan Hukum Ikhtilaf Fiqhi

Berasaskan kefahaman bahawa ikhtilaf atau percanggahan pendapat adalah tabiat semulajadi manusia yang diciptakan oleh Allah SWT dengan perbezaan bahasa dan akal, tidak hairanlah wujudnya pendapat dan tujahan pandangan yang berbeza-beza di antara seorang mujtahid dengan mujtahid yang lain. Allah SWT berfirman:

﴿وَمِنْ آيَاتِهِ خَلْقُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَاخْتِلَافُ أَلْسِنَتِكُمْ وَأَلْوَانِكُمْ إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِّلْعَالَمِينَ﴾

Maksudnya: Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaanNya dan kebijaksanaanNya ialah kejadian langit dan bumi, dan perbezaan bahasa kamu dan warna kulit kamu. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan-keterangan bagi orang-orang yang berpengetahuan. (Surah al-Rum: 22)

Selain itu, terdapat banyak sebab yang menyumbang kepada berlakunya ikhtilaf dalam kalangan ulama yang telah berlaku sejak zaman Rasulullah sallallahu 'alaihi wa sallam dan para sahabat lagi. Sebab-sebab tersebut boleh

dikategorikan kepada tiga kategori iaitu yang pertama; sebab-sebab yang berkaitan dengan diri mujtahid itu sendiri dan kebolehannya dari sudut berfikir dan penguasaan ilmu seperti kekuatan kefahaman dalam memahami nas syarak dan mengistinbat hukum serta kebolehan mencapai rahsia-rahsia pensyariatan (asrar al-tasyri') dan 'illah sesuatu hukum. Kedua; sebab-sebab yang berkaitan dengan nas syarak itu sendiri iaitu ikhtilaf tentang keadaan (ahwal) nas, tentang pemahaman nas, dan ikhtilaf ketika tiada nas. Ketiga; sebab-sebab yang berpunca daripada keadaan sosial dan politik yang sentiasa berubah mengikut adat, keadaan setempat dan zaman seperti yang berlaku kepada Imam Syafie RA yang terkenal dengan qaul jadid dan qaul qadimnya (Syed Salim, 2002: 42-75).

Para ulama terdahulu dan kontemporari bersepakat mengatakan bahawa perselisihan dan percanggahan pendapat dalam kalangan mereka yang ahli, iaitu para mujtahid, yang berlaku pada cabang syariah adalah termasuk dalam ikhtilaf yang dipuji serta dikira sebagai satu aspek daripada aspek-aspek ijtihad yang disyariatkan. Fuqaha telah mempraktikkan aspek ikhtilaf fiqhi ini bermula dari zaman Rasulullah sallallahu 'alaihi wa sallam hingga kini berpandukan disiplin, adab dan manhaj yang diajar oleh Baginda sallallahu 'alaihi wa sallam secara teori dan praktikal.

Ringkasnya, ikhtilaf yang berlaku dalam fiqh adalah perkara yang tabii sifatnya, diterima, dibenarkan dan dipuji oleh syarak; ia bukannya fenomena yang merosakkan dan memecahbelahkan perpaduan umat Islam. Namun, terdapat batas-batas dan prinsip-prinsip yang perlu dipatuhi agar ikhtilaf ini tidak berubah hukumnya kepada ikhtilaf yang ditegah dan dikeji. Antara prinsip-prinsip tersebut seperti tidak melibatkan hal ehwal pokok (usul) di dalam syarak, tidak berlaku dalam perkara yang qat'ie, ikhtilaf itu adalah hasil daripada ijtihad yang dilakukan oleh individu yang telah mencapai peringkat mujtahid dan dalam urusan yang dibenarkan syarak berijtihad padanya (masail al-ijtihad atau al-mujtahad fih). Oleh itu, amalan membidaahkan (tabdi') sesuatu amalan yang tergolong dalam kelompok khilafiah dan ijthadiyah, seperti amalan membaca Surah Yasin pada malam Jumaat, membaca talkin dan tahlil untuk roh orang yang telah meninggal dunia, serta menuduh pelakunya sebagai pembuat bidaah yang sesat adalah tidak wajar dan bertentangan dengan kefahaman dan konsep sebenar ikhtilaf fiqhi dan kaedah "La inkar fi masail al-ijtihad" (Sano, 2004: 81-95; Syed Salim, 2002: 170-180). Kecenderungan untuk melakukan tabdi' ini bakal mencetus suasana yang tidak aman dan selesa dalam masyarakat Islam.

KONSEP IJTIHAD JAMA'I

Definisi Ijtihad Jama'i

Ijtihad jama'i dapat ditakrifkan sebagai kesungguhan dan pengerahan segala

keupayaan majoriti fuqaha yang berkeelayakan untuk berjihad bagi menghasilkan zann (sangkaan kuat) dengan hukum syarak melalui cara istinbat, serta mereka bersetuju (sebulat suara atau majoriti) terhadap sesuatu hukum selepas sesi perbincangan yang mendalam (al-Syarafi, 1998: 46).

Ijtihad jama'i juga ditakrifkan sebagai kesungguhan dan penerahan segala keupayaan yang dilakukan oleh sekumpulan ulama yang berkeelayakan untuk berjihad beserta pakar-pakar keilmuan yang mahir dalam sesuatu isu yang sedang dikaji dan dibahaskan untuk menghasilkan zann (sangkaan kuat) dengan hukum syarak terhadap sesuatu masalah lama atau baharu yang bersangkutan paut dengan kehidupan umum umat Islam atau sebahagian daripada mereka di sesebuah negeri atau negara (Sano, 2000: 30).

Wahbah al-Zuhaily (2011: 1) pula mentakrifkan ijtihad jama'i sebagai sesuatu yang telah disepakati oleh sekumpulan ilmuan daripada kalangan ulama selepas menjalankan kajian dan penelitian terhadap sesuatu isu tertentu, melihat apa yang telah diputuskan oleh para ulama terdahulu berkenaan isu tersebut dan mendatangkan dalil-dalil mereka serta membincangkannya, lalu melakukan pentarjihan terhadap dalil-dalil tersebut, seterusnya mengeluarkan satu pendapat yang tertentu berdasarkan kekuatan dalil dan pentahkikan masalah.

Dalam Nadwah Antarabangsa anjuran Kuliah Syariah Universiti al-'Ayn Emiriah Arab Bersatu, ijtihad jama'i telah ditakrifkan sebagai kesepakatan majoriti ahli ijtihad dalam lingkungan suatu majma' fiqhi, lembaga syariah atau institusi syariah yang dikelolakan oleh pemerintah negara Islam terhadap suatu hukum Syarak berbentuk amali yang tidak didapati melalui nas yang bersifat qat'ie dari sudut thubut (kesahihan) dan dalalahnya (bentuk pendalilannya), selepas kerahan segala keupayaan mereka dalam kajian dan perbincangan (Lokmanulhakim, 2013: 10).

Apa yang dapat difahami daripada definisi-definisi di atas ialah ijtihad jama'i berbeza dengan ijtihad fardi (secara individu) atau ijmak dan ijtihad yang lain dalam beberapa perkara seperti:

- i. Ijtihad jama'i adalah usaha yang bersungguh-sungguh yang dilakukan secara berkelompok manakala ijtihad fardi pula adalah usaha secara individu.
- ii. Ijtihad jama'i dilakukan oleh majoriti atau kebanyakan para fuqaha.
- iii. Ijtihad yang dilakukan secara kolektif atau berkelompok tidak akan dinamakan sebagai ijtihad jama'i sehinggalah semua mujtahid yang terlibat atau majoritinya bersepakat terhadap sesuatu hukum yang diputuskan.
- iv. Ijtihad jama'i berbeza dengan ijmak kerana ijmak mensyaratkan kesepakatan semua mujtahid daripada umat Nabi Muhammad sallallahu 'alaihi wa sallam yang sezaman dalam sesuatu hukum syarak. Sebaliknya ijtihad jama'i hanya memerlukan kesepakatan sekumpulan ulama mujtahid atau majoritinya, bahkan memadai dengan kesepakatan majoriti ulama

mujtahid yang menyertai sesi perbincangan dalam ijtiḥad tersebut sahaja.

v. Ijtiḥad jama'ī perlu melalui proses perbincangan teliti oleh para fuqaha dalam sesi perbincangan yang diatur seperti muktamar, majma' dan majlis tertentu. Justeru, jika ada persamaan di antara pandangan-pandangan fuqaha dalam sesuatu hukum Syarak dan tidak melalui proses perbincangan yang diatur khas, ia tidak dianggap sebagai ijtiḥad jama'ī sebaliknya ia adalah persamaan dari sudut ijtiḥad semata-mata.

vi. Ijtiḥad jama'ī juga berbeza dengan ijmak kerana ia berdasarkan syura atau perbincangan. Sebaliknya ijmak tidak memerlukan perbincangan dalam kalangan para mujtahid (al-Syarafi, 1998: 46-47).

vii. Ijtiḥad jama'ī dikelolakan secara terurus oleh pemerintah negara Islam (Lokmanulhakim, 2013: 10).

Secara asasnya, difahami bahawa ijtiḥad jama'ī merupakan kesepakatan majoriti ulama mujtahid dalam sesuatu majma' atau badan organisasi yang dirancang oleh pemerintah sesebuah negara Islam. Majma' atau organisasi ini akan membincangkan tentang hukum-hukum Syarak praktikal yang tidak diputuskan secara nas qat'iyy al-thubut atau qat'iyy al-dalalah secara bersungguh-sungguh dengan teliti berdasarkan prinsip syura (Sano, 2004: 38).

Selain itu, perlu juga difahami bahawa ijtiḥad jama'ī adalah didukung oleh mereka yang ahli untuk mengistinbat sesuatu hukum syarak. Antara syarat keahlian yang utama boleh disimpulkan dengan memiliki asas-asas ilmu alat dalam ijtiḥad jama'ī seperti berikut: mahir dalam cabang-cabang ilmu bahasa Arab, mahir dalam ilmu Usul Fiqh, mengetahui dengan mendalam tentang maksud syarak (maqasid al-Syari'ah), mahir dalam kaedah-kaedah fiqh yang utama, mahir dalam ilmu Usul Hadis, mahir dalam ilmu Usuluddin, mengetahui tentang ilmu khilaf dan adab berikhtilaf dan mengetahui tentang prinsip-prinsip ilmu-ilmu sains kemanusiaan dan sosial (Sano, 2004: 284-320; Ali Jum'ah, 2004: 17-27).

Sejarah Ijtiḥad Jama'ī

Ijtiḥad jama'ī sebagai salah satu cabang ijtiḥad telah muncul, berkembang dan merosot dengan kemunculan, perkembangan dan kemerosotan ijtiḥad itu sendiri. Sano Qoutoub (2004: 105-148) telah membahagikan kemunculan dan perkembangan ijtiḥad jama'ī kepada dua fasa utama; fasa kemunculan secara tidak langsung (al-zuhur al-dhimniyy) dan secara langsung dan praktikal (al-zuhur al-fi'liyy).

Pada fasa pertama, fikrah ataupun acuan ijtiḥad jama'ī telah diperkenalkan oleh Rasulullah sallallahu 'alaihi wa sallam sendiri. Ini terbukti apabila melihat kepada prinsip dan amalan Baginda sallallahu 'alaihi wa sallam yang sentiasa mementingkan pendapat yang diperolehi daripada

pendapat ramai dan secara kolektif seperti yang berlaku dalam peperangan Uhud dan Khandaq. Setelah itu, fikrah ini telah berkembang dengan lebih jelas di zaman Khulafa al-Rasyidin setelah wafatnya Rasulullah sallallahu 'alaihi wa sallam sebagai sumber rujukan hukum dan apabila lebih banyak masalah baharu mula timbul. Namun, fikrah ini mula malap di zaman kejumudan ijtihad.

Pada fasa kedua, yang bermula dari awal kurun ke-14 Hijrah hingga kini, telah kedengaran laungan untuk menghidupkan kembali fikrah ijtihad jama'i dan seterusnya muncul usaha-usaha untuk mengorganisasikan ijtihad jama'i secara praktikal. Ini jelas dengan kemunculan al-Majami' al-Fiqhiyyah sebagai wasilah untuk merealisasikan ijtihad jama'i.

Kategori Ijtihad Jama'i

Sano Qoutoub (2004: 181-231) mengkategorikan ijtihad jama'i kepada tiga kategori seperti berikut:

1. Ijtihad Jama'i Qutriyy iaitu ijtihad secara kolektif di peringkat tempatan atau negeri.
2. Ijtihad Jama'i Iqlimiyy iaitu ijtihad secara kolektif di peringkat nasional atau negara yang merangkumi beberapa negeri di dalamnya.
3. Ijtihad Jama'i Umamiyy iaitu ijtihad secara kolektif di peringkat antarabangsa yang melibatkan beberapa buah negara.

Kepentingan Ijtihad Jama'i

Kepentingan ijtihad jama'i dapat dilihat dengan jelas dalam beberapa perkara seperti berikut (al-Syarafi, 1998: 77- 92):

1. Ijtihad jama'i akan menghasilkan keputusan yang lebih tepat dan bernas bagi sesuatu isu yang dibincangkan.
2. Ijtihad jama'i dapat menyelesaikan isu-isu semasa yang dihadapi oleh masyarakat Islam khususnya dan umat manusia amnya.

Menyedari bahawa ijtihad jama'i adalah cara terbaik untuk berijtihad dan mengistinbatkan hukum-hakam kerana kesyumulan dan kedalaman pengetahuan dan metodologi ilmiahnya, konsep ini telah pun diamalkan di Malaysia oleh sarjana Islam tempatan sama ada secara rasmi ataupun tidak sejak dahulu lagi. Pengamalan di negara kita boleh dilihat melalui penubuhan badan-badan atau institusi-institusi berikut: jawatankuasa-jawatankuasa fatwa kebangsaan dan negeri, majlis-majlis penasihat Syariah dan keanggotaan Malaysia dalam Kesatuan Fiqh Antarabangsa (majami' fiqhiyyah) (Lokmanulhakim, 2013: 27-34).

KEKUATAN IJTIHAD JAMA'I SEBAGAI PEMANGKIN DALAM PENGHARMONISASIAN KEPELBAGAIAN PENDAPAT

Setelah kita melihat secara sepintas lalu terhadap konsep ijtihad jama'i atau ijtihad secara kolektif serta kefahaman ringkas terhadap konsep ikhtilaf dan ikhtilaf fiqhi, penulis berpandangan bahawa ijtihad jama'i memiliki kekuatan yang mampu mengharmonisasikan percanggahan pendapat berdasarkan kepada beberapa perkara seperti berikut:

1. Ijtihad Jama'i Mampu Menyatukan Umat

Umat Islam perlu bersatu bagi menghadapi cabaran globalisasi yang semakin mencabar. Kesatuan dan kesepakatan ini seharusnya bermula daripada melihat sesuatu isu secara kolektif dan secara bersama. Lahirnya pelbagai pandangan peribadi atau fardi akan mengundang kepada perpecahan dan menyebabkan kebingungan masyarakat (al-Syarafi, 1998: 88).

Kini, kita melihat pelbagai pandangan yang diutarakan oleh pelbagai pihak yang melibatkan umat Islam contohnya ialah isu berkenaan dengan penetapan hari raya korban, hari raya fitrah dan pengharaman rokok/ rokok elektronik atau vape. Kepelbagaian pandangan ini semestinya mempunyai asas pandangan masing-masing iaitu dari sudut pendalilan dan penghujahan. Bagi konteks Malaysia contohnya, masalah-masalah tersebut telah dibincangkan dalam Majlis Fatwa Kebangsaan dan Negeri yang dilakukan dalam acuan ijtihad jama'i (Marjan, 2000: 175-177).

Justeru, adalah sangat wajar untuk dikumpulkan pandangan pelbagai pihak ini yang didukung oleh para mujtahid. Inisiatif untuk mengumpulkan para mujtahid yang mempunyai pelbagai pandangan ini seharusnya dibuat di peringkat tempatan, kebangsaan dan antarabangsa demi melihat kesepaduan umat Islam dalam menyelesaikan sesuatu isu berdasarkan kepada kemaslahatan sejagat.

Dengan adanya ijtihad secara kolektif, pelbagai pandangan yang dikemukakan oleh para mujtahid akan dapat dibincangkan agar dapat dihasilkan satu pandangan yang berkualiti dan mampu menyatukan ummah sejagat. Ia sekaligus dapat mengelakkan daripada berlakunya perpecahan yang akan melemahkan umat Islam.

2. Ijtihad Jama'i Mewujudkan Kesempurnaan

Biasanya pendapat ramai lebih baik daripada pendapat seorang (al-Qaradawi, 1998: 103). Tambahan pula, jika sesuatu isu yang ingin dibincangkan menyentuh persoalan yang melibatkan pengetahuan pakar seperti isu pengklonan, hukum suntikan pelalian Vaksin "Meningococcal Meningitis" kepada orang Islam dan juga hukum pencantuman benih untuk mendapatkan zuriat.

Isu-isu sebegini perlulah juga mendapatkan pandangan pakar bagi bidang masing-masing bagi memastikan bahawa hukum yang dikeluarkan adalah tepat dan betul (al-Syarafi, 1998: 91). Justeru, ijtihad secara fardi tidak mampu memberikan keputusan yang tepat kerana ia tidak menggabungkan pelbagai disiplin ilmu terutamanya di zaman ini yang melahirkan mujtahid yang pakar dalam pengkhususan tertentu sahaja.

Dengan adanya ijtihad secara kolektif, sesuatu pandangan atau hukum syarak yang dikeluarkan akan lebih sempurna dan ia sekaligus dapat mengharmonisasikan segala pandangan yang telah diberikan oleh para mujtahid dalam pelbagai disiplin ilmu. Ia akan menjadikan pemahaman masyarakat terhadap sesuatu isu lebih jelas kerana tidak timbul kekeliruan terhadap pandangan-pandangan yang berbeza lantaran berbezanya disiplin ilmu para mujtahid yang mengeluarkan pandangan.

3. Merealisasikan Prinsip Syura

Sesuatu perkara yang melalui proses syura akan melahirkan natijah yang bernas dan tepat. Ini adalah kerana sesuatu isu yang disyurkan akan diperbincangkan secara teliti serta mendalam bagi melahirkan keputusan yang paling tepat.

Ia bersesuaian dengan galakan Allah SWT sebagaimana yang dinyatakan dalam al-Quran iaitu:

﴿وَشَاوِرْهُمْ فِي الْأَمْرِ﴾

Maksudnya: Dan juga bermesyuaratlah dengan mereka dalam urusan (peperangan dan soal-soal keduniaan) itu. (Surah Ali-Imran: 159)

Konsep syura adalah salah satu asas kepada ijtihad jama'i. Ini adalah kerana para mujtahid yang menganggotai majlis ijtihad ini akan berbincang secara teliti terlebih dahulu sebelum memutuskan sesuatu hukum syarak (al-Syarafi, 1998 : 77).

Dengan adanya konsep syura dalam amalan ijtihad ini akan dapat membantu para mujtahid mencari penyelesaian terbaik bagi sesuatu permasalahan yang dibincangkan. Ia secara langsung akan mengharmonisasikan pandangan-pandangan yang pelbagai dengan satu roh permesyuaratan yang diamalkan oleh Nabi sallallahu 'alaihi wa sallam sendiri.

PENUTUP

Ijtihad jama'i merupakan satu aset penting dalam meneruskan kesatuan umat Islam. Ini berdasarkan kepada ciri-ciri yang dimilikinya yang mampu mengharmonisasikan pendapat-pendapat yang pelbagai bagi sesuatu isu terutama isu-isu fiqh. Ia dilihat sebagai medium yang perlu digunakan bagi memastikan keseragaman pandangan-pandangan yang dikeluarkan oleh para

mujtahid secara individu.

Usaha-usaha perlu digiatkan oleh pelbagai pihak untuk mewujudkan ijtihad secara kolektif ini sama ada di peringkat tempatan, nasional mahupun antarabangsa. Perbincangan ijtihad secara kolektif amat diperlukan terutamanya bagi membincangkan isu-isu yang melibatkan kepentingan bersama umat Islam. Lebih-lebih lagi mutakhir ini apabila umat Islam dilanda dengan permasalahan-permasalahan yang kompleks dengan keterbatasan ilmu pengetahuan yang dimiliki oleh individu ulama perlu kepada kepelbagaian bidang dan jurusan ilmu yang berkaitan. Selain itu, manhaj dan metod berijtihad yang digunakan oleh institusi-institusi dan badan-badan yang terlibat dalam pengeluaran hukum dan fatwa perlu diperkemas dan diperkukuh agar bertepatan dengan maksud dan konsep asal ijtihad.

RUJUKAN

- Abdullah bin Mohammad Basmi. 1990. Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Quran 30 Juzuk. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri
- Abu Zahrah. 1989. Tarikh al-Mazahib al-Islamiyyah Fi al-Siyasah Wa al-'Aqid Wa Tarikh al-Mazahib al-Fiqhiyyah. Al-Qahirah: Dar al-Fikr
- 'Ali Jum'ah. 2004. Aliyyat al-Ijtihad. Al-Qahirah: Dar al-Risalah.
- Al-Dimyati, Ahmad bin Muhammad. 2010. Hasyiah al-Dimyati 'Ala Syarh al-Waraqat. Fatani: Matba'ah Ben Halabi.
- Al-'Ulwani, Taha Jabir Fayyadh. 1995. Adab al-Ikhtilaf Fi al-Islam. Cet. 6. Virginia: al-Ma had al-Alami Li al-Fikr al-Islamiyy
- Al-Durayni, Muhammad Fathi. 1994. Buhuth Muqaranah Fi al-Fiqh al-Islamiyy Wa Usulih. Jilid 1. Beirut: Muassasah al-Risalah
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad. 1997. Al-Mustasfa Min Ilm al-Usul. Jilid 1. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al- Arabi
- Al-Majlis al-A'la li al-Syu'un al-Islamiyyah. T.t. Mausu'ah al-Fiqh al-Islamiyy. Jilid 4. Al-Qahirah: Dar al-Kitab al-Misriyy
- Al-Qaradawi, Yusuf. 1998. Al-Ijtihad al-Mu'asir Bayn al-Indhibat Wa al-Infirat. Edi. Ke-2. Beirut: Al-Maktab al-Islamiyy

- Al-Qaradawi, Yusuf. 1994. *Al-Sahwah al-Islamiyyah Baina al-Ikhtilaf al-Mashru' Wa al-Tafarruq al-Mazmum*. Cet. 5. Al-Qahirah: Dar al-Sahwah
- Al-Syarafi, 'Abd al-Majid al-Susuwah. 1998. *Al-Ijtihad al-Jama'i fi al-Tashri' al-Islamiyy*. Kitab al-Ummah. Bil. 62. Qatar: Wizarat al-Auqaf Wa al-Shu'un al-Islamiyyah
- Al-Zuhaily, Wahbah. 2011. *Al-Ijtihad fi 'Asrina Haza Min Haith al-Nazariyyah wa al-Tatbiq*. Kyoto Bulletin of Islamic Area Studies. Vo. 4. No. 1-2. Kyoto: Kyoto University Research Information Repository
- Dewan Bahasa dan Pustaka. 2002. *Kamus Dewan*. Ed. ke-3. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Ibn Manzur, Abu al-Fadhl Jamaluddin bin Muhammad. 1990. *Lisan al-'Arab*. Jilid 9. Beirut: Dar al-Sadir
- Lokmanulhakim Husssain. 2013. *Ijtihad Jama'i Dalam Penetapan Hukum Syarak: Aplikasi di Malaysia*. Cet. 1. Nilai: INFAD Universiti Sains Islam Malaysia
- Madkur, Muhammad Salam. 1973. *Manahij al-Ijtihad Fi al-Islam Fi al-Ahkam al-Fiqhiyyah Wa al-'cAqaidiyyah*. Jilid 1. Al-Kuwait: Jami'at al-Kuwait
- Marjan binti Muhammad. 2000. *Al-Ijtihad al-Jama'i Bayn al-Nazariyyat Wa al-Tatbiq: Maliziya Namuzajan*. (Tesis Master). Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
- Sano, Qoutoub Moustapha. 2004. *Al-Ijtihad al-Jama'i al-Manshud fi Dhau' al-Waqi' al-Mu'asir*. Kuala Lumpur: Dar al-Tajdid
- Sano, Qoutoub Moustapha. 2004. *La Inkar Fi Masail al-Ijtihad*. Kuala Lumpur: Dar al-Tajdid
- Sano, Qoutoub Moustapha. 2000. *Mu' jam Mustalahat Usul al-Fiqh. Dimashq: Dar al-Fikr*
- Syed Salim bin Syed Shamsuddin. 2002. *Al-Ikhtilaf al-Fiqhi Wa Mada 'Alaqatihi Bi al-Tabdi' Fi al-Fiqh al-Islamiyy: Dirasah Tahliliyyah Tatbiqiyyah*. (Tesis Master). Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.